

UNIT 6

TEMA *Sains Fizikal*

DAYA

INFO RINGKAS

Daya

UPSR '17, '18

- 1 Daya ialah tarikan atau tolakan yang bertindak ke atas sesuatu objek.
- 2 Daya tarikan menggerakkan objek mendekati kita manakala daya tolakan bergerak menjauhi kita.

Daya tarikan	Daya tolakan	Daya tarikan dan tolakan
		

- 3 Daya tidak dapat diperhatikan, tetapi kesannya boleh dirasai atau dilihat.
 - Daya mengubah bentuk objek.
 - Daya mengubah arah pergerakan objek.
 - Daya memberhentikan objek yang bergerak.
 - Daya menggerakkan objek pegun.
 - Daya mengubah kelajuan objek.



Daya dan Kesannya



Daya Geseran

UPSR '16, '17, '18, '19


- 1 Daya geseran ialah daya yang terhasil apabila dua permukaan bersentuhan antara satu sama lain.
- 2 Arah daya geseran menentang arah pergerakan sesuatu objek.
- 3 Daya geseran boleh dipengaruhi oleh faktor seperti:
 - (a) jenis permukaan
 - (b) jisim objek



Menambah dan Mengurangkan Geseran



- 4 Kebaikan daya geseran:
 - menghasilkan haba
 - memegang objek
 - membolehkan objek kekal pegun
 - menajamkan peralatan
- 4 Keburukan daya geseran:
 - objek sukar digerakkan
 - permukaan objek menjadi haus
 - menghasilkan bunyi yang tidak diinginkan
- 5 Daya geseran boleh ditambah atau dikurangkan dalam aktiviti harian.
 - (a) Menambahkan daya geseran
 - (b) Mengurangkan daya geseran



pelapik anti gelincir



tapak bercorak



serbuk kapur magnesium karbonat



tepung asid borik



minyak atau gris



penggolek